

## PENGGUNAAN DAN PENERIMAAN BAHASA SLANGA DALAM NOVEL INDIE DI MALAYSIA

\*Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Nor Syafizza Binti Ahmad Tarmizi

Pusat Pengajian Penulisan Kreatif  
Fakulti Filem, Teater dan Animasi  
Universiti Teknologi MARA  
40150, Shah Alam, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author's email: [syuhaidi@salam.uitm.edu.my](mailto:syuhaidi@salam.uitm.edu.my) / [drmohdsyuhaidi@gmail.com](mailto:drmohdsyuhaidi@gmail.com)

Submission date: 15 Jan 2019

Accepted date: 30 April 2019

Published date: 10 May 2019

### Abstract

Many researches argue that the use of slangs in novels to have led to cultural shock affecting the religious values, eastern culture and against the sensitivity among locals. To rebut such argument, this research recorded slang used in 5 indie novels (Feminis, One Two Jaga, Walang, Haur; and Lendu) and also analyzed on society's acceptance against the use in these indie novels. This research applied qualitative approached where coding books were used to record numbers of slang used in 5 local indie novels and informants were interviewed in a face to face interview sessions. Data were then analyzed using the Atlas.Ti software. The study found that all five novels have used slang in their creative works however informants of this study have mixed reactions towards the use of slangs in indie novels. Majority of informants does not see the use as damaging. This study has eventually contributed to the works of literature of slang within the production of creative works in Malaysia.

**Keywords:** Bahasa Slanga, Novel Indie

### 1.0 PENDAHULUAN

Fenomena penggunaan Bahasa Slanga dalam novel *indie* di Malaysia berkembang sejak akhir-akhir ini bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Menurut Muhammad Rashidi Wahab dan Siti Nur Hidayah Kusnim (2015), kerajaan telah menyarankan supaya penerbitan buku di Malaysia dapat ditingkatkan kepada 26,000 hingga 28,000 buah buku setahun.

Manakala, bahan bacaan yang menjadi pilihan terutama para remaja ialah novel *indie*. Perkataan *indie* berasal daripada perkataan bahasa Inggeris, iaitu singkatan dari *independent* yang bermaksud bebas, merdeka dan tidak bergantung pada yang lain. Seperti yang kita semua ketahui, dunia pada hari ini lebih bebas dimana kita berada dalam zaman globalisasi tanpa sempadan.

Allan dan Burridge (2006:69) menyatakan bahawa slanga ialah:

*“Language of a highly colloquial and contemporary type, considered stylistically inferior to standard formal, and even polite informal, speech. It often uses metaphor and/or ellipsis, and often manifests verbal play in which current language is employed in some special sense and denotation; otherwise the vocabulary, and sometimes the grammar, is novel or only recently coined.”*

Berdasarkan pendefinisian tersebut, dapat dirumuskan bahawa slanga ialah penggunaan bahasa semasa yang tidak standard seperti bahasa remaja. Definisi slanga menurut Kamus Dewan (2010) ialah kata, ungkapan, dan sebagainya yang digunakan dalam percakapan tidak rasmi dimana kata-kata ini tidak termasuk dalam kumpulan penggunaan bahasa baku. Harishon Radzi dan Tengku Fariqul Haq (2016) yang menyatakan bahawa Bahasa Slanga ini membawa makna yang meluas iaitu bukan sahaja ditutur oleh remaja tetapi juga ditutur oleh pelbagai golongan.

Penerbitan buku *indie* lebih meluas dan karya ini telah diterbitkan oleh beberapa buah syarikat penerbitan yang sememangnya memfokuskan kepada buku *indie* sahaja. Antara syarikat penerbitan buku *indie* di Malaysia ialah Fixi, Lejen Press, Poket Press, Merpati Jingga, dan sebagainya lagi. Karya *indie* telah berjaya mendapat tempat di hati pembaca khususnya bagi golongan muda yang lebih gemar dengan gaya penulisannya itu kerana golongan sebegini mahukan kebebasan dalam berfikir dan mahu bertindak tanpa sebarang sekatan.

Oleh itu, tidak hairanlah jika penulis banyak menggunakan Bahasa Slanga dalam novel *indie* yang dikeluarkan pada hari ini kerana perkara ini seolah-olah sudah menjadi trend kepada syarikat penerbitan karya *indie*. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk menganalisis penggunaan Bahasa Slanga dalam novel *indie* dan menganalisis penerimaan masyarakat terhadap penggunaan Bahasa Slanga dalam novel *indie* di Malaysia.

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

### 2.1 Bahasa dalam Penulisan

Ishak Haji Muhammad (2008) mengatakan, penulisan novel zaman dahulu dan sekarang agak berbeza. Novel pada zaman dahulu tidak banyak membawa perubahan daripada karya sebelumnya, terutama dari plot dan bentuk. Walau bagaimanapun, bahasa yang digunakan di dalam novel mengalami sedikit perubahan seiring dengan peredaran zaman. Penulis atau pengkarya yang menulis novel pada hari ini banyak membuat perubahan dalam penulisan mereka.

Sebagai contoh, dari aspek penggunaan bahasa, penulis pada zaman moden ini banyak menggunakan Bahasa Slanga dalam penulisan atau novel terbitan mereka. Fenomena itu telah menyumbang kepada wujudnya novel *indie* di Malaysia. Penulis novel pada zaman dahulu menggunakan bahasa yang lebih sopan atau berbunga-bunga dalam karya mereka. Namun, novel pada zaman moden ini banyak menggunakan bahasa yang lebih *direct* tanpa berlapik yang dikenali sebagai bahasa slanga.

Hasimah Ismail dan Melor Fauzita Md Yusoff (2016) dalam sebuah artikel karya *indie* berpendapat bahawa jalan cerita, latar dan karakter dalam karya disebut dalam laman sesawang seperti *blog*, *facebook*, *twitter*, dan sebagainya telah mengalami perubahan dalam proses pengkaryaan. Perubahan dalam

penggunaan bahasa telah menyebabkan karya *indie* semakin terkenal dan menjadi tumpuan golongan remaja.

Hal ini kerana dalam karya *indie*, garapan situasi semasa yang dipaparkan lebih santai dan ringan. Karya seperti ini lebih bebas kerana tidak terikat dengan struktur penulisan novel yang seperti dahulu. Malah, plot penceritaan penulisan berbentuk nasihat, catatan perjalanan, catatan diari, memberontak, sarkastik, jenaka, maki hamun, menentang dan lain-lain ditulis tanpa sebarang halangan. Penulis dapat melihat matlamat dan tujuan penulisan *indie* dihasilkan serta teknik atau *trend* penulisan yang baharu.

## 2.2 Novel *Indie* Menarik Minat Pembaca

Menurut Azman Hussin (2016), kehadiran buku *indie* dalam pasaran telah menyuntik minat membaca dalam kalangan masyarakat. Namun, ada sesetengah pihak yang merasakan penerbit buku tidak mengikut cara yang betul kerana penggunaan bahasa, watak, dan jalan cerita yang terlalu bebas.

Terdapat juga segelintir daripada mereka yang menyatakan bahawa buku-buku seperti ini langsung tidak memenuhi piawaian penulisan yang betul kerana dikatakan karya itu seperti sampah dan tidak berfaedah. Walaupun mendapat tentangan daripada sesetengah masyarakat terhadap karya *indie*, namun penerbit *indie* terus memberi peluang kepada penulis-penulis baharu khususnya untuk mereka terus menghasilkan karya mengikut kehendak yang mereka mahukan.

Seterusnya, jika dahulu novel berbahasa Melayu ini menjadi tumpuan pembaca muda wanita, tetapi pada hari ini semuanya sudah berubah dengan hadirnya novel *indie*. Hal ini kerana sudah ramai pembaca dari golongan muda termasuklah lelaki akan membuka buku-buku terbitan *indie*. Secara keseluruhannya, perkara yang mesti difahami oleh penulis adalah bukan semua pembaca dapat terima gaya penulisan seseorang penulis itu kerana ada pembaca yang dapat terima dan ada yang tidak dapat terima dengan fenomena penulisan novel *indie* sebagai karya yang menjadi *trend* pada hari ini.

## 2.3 Karya *Indie* Abai Nilai Bahasa

Mohd Nazmi Yaakub (2016) berpendapat, persoalan mengenai penulisan *indie* daripada aspek dalam kandungan karyanya sehingga mutu penggunaan bahasa Melayu tidak lagi dilihat berkualiti kerana hasilnya yang lebih rendah berbanding sastera yang tulen ataupun asli. Walau bagaimanapun, Nadia Khan selaku penulis buku *Fixi* berkata bahawa bahasa masih memainkan peranan penting, namun karya *indie* ini lebih kepada medium untuk berkarya.

Oii Kok Hin (2015), beliau berpendapat bahawa karya *indie* ini banyak memberi peluang kepada penulis baharu (first-time writers) untuk berkarya. Beliau berkata sedemikian apabila ada sesetengah pihak yang berkata bahawa buku terbitan *indie* ini tidak berkualiti berbanding buku yang diterbitkan oleh penerbit *mainstream* dan akan muncul isu yang menyatakan buku *indie* ini rendah kualitinya.

Untuk menjawab isu berbangkit dari perdebatan buku *indie*, beliau berpendapat bahawa kita perlu bertanyakan tentang fungsi sesebuah buku. Penulis dapati bahawa perkara yang cuba Oii Kok Hin tekankan adalah masyarakat perlu memupuk amalan membaca buku dan jangan jadikan jenis penulisan seperti Bahasa Slanga menjadi penghalang untuk kita tidak membaca buku.

Azman Hussin (2016) mengatakan karya *indie* ini ditulis sebagai gambaran terhadap keadaan sebenar yang berlaku dalam masyarakat sama ada baik atau buruk. Hal ini demikian kerana penulis karya *indie* cuba sampaikan apa yang dirasakan oleh mereka dan diluahkan di dalam penulisan.

Ini jelas menunjukkan bahawa karya-karya *indie* ini bukan semuanya negatif atau buruk dari segi bahasanya, tetapi sebagai cerminan apa yang ada dalam masyarakat. Tidak dapat disangkal juga ada karya-karya *indie* yang bahasanya bagus dan elok. Oleh itu, penulis dapati bahawa setiap karya seperti novel *indie* yang diterbitkan pasti ada mesej yang cuba disampaikan oleh penulis buku itu sendiri.

## 2.4 Kajian Luar Negara

Menurut Bung Karno (2010), budaya membaca di Indonesia masih dirasakan asing kerana muncul isu yang menyatakan sebahagian besar rakyat Indonesia kurang membaca buku untuk mengisi masa lapang mereka. Dalam buletin Bung Karno menyatakan bahawa mereka lebih memilih untuk membeli makanan daripada membeli buku.

Ini berbeza daripada situasi di dalam negara Malaysia kerana pembaca di Malaysia lebih gemar membeli buku-buku yang lebih santai. Isu kewangan tidak menghalang untuk mereka membeli buku tapi sebaliknya mereka lebih mengutamakan isi dalam sesebuah penulisan itu. Jika mereka tidak tanam sikap membaca dalam diri, sudah pasti karya penulisan seperti novel *indie* kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat di sana.

## 3.0 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan Buku Kodan untuk melihat penggunaan Bahasa Slang yang digunakan di dalam novel *indie*. Beberapa buah novel *indie* diambil dan penggunaan Bahasa Slang direkodkan dalam Buku Kodan. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah temubual secara berdepan, dan data telah ditranskrip secara verbatim. Selain itu kajian ini turut menggunakan perisian ATLAS.ti untuk memudahkan pengkategorian tema dapatan kajian.

### 3.1 Buku Kodan dan Informan

Kajian ini menggunakan Buku Kodan untuk menganalisis penggunaan Bahasa Slang dalam novel *indie* dan menggunakan perisian Atlas.ti untuk menganalisis penerimaan masyarakat terhadap penggunaan Bahasa Slang dalam novel-novel *indie* di Malaysia.

Untuk objektif pertama, Buku Kodan (rujuk Jadual 1) telah digunakan dan penggunaan Bahasa Slang dalam lima novel berkenaan dikategorikan dengan merujuk kepada definisi Bahasa Slang oleh Allan dan Burridge (2006).

Untuk objektif kedua, lima orang informan (rujuk Jadual 2) telah ditemubual secara berdepan. Transkrip temubual berkenaan telah ditranskrip secara verbatim dan perisian ATLAS.ti telah digunakan untuk menyusun dapatan mengenai penerimaan masyarakat terhadap penggunaan Bahasa Slang dalam lima novel *indie* tersebut.

Jadual 1. Buku Kodan yang digunakan dalam kajian ini

BIL.	TAJUK NOVEL	PENULIS	PENERBIT	TAHUN	DEFINISI BAHASA SLANGA
1.	Feminis	Taufik Morhaiji	FIXI	Cetakan Pertama: Ogos 2018	Digunakan oleh golongan remaja/ golongan tertentu sahaja. Singkatan bahasa Inggeris Kesat/ Kasar Lucah
2.	One Two Jaga	Sahidzan Salleh	FIXI	Cetakan Pertama: Julai 2018	Digunakan oleh golongan remaja/ golongan tertentu sahaja. Kesat/ Kasar Lucah
3.	Walang	Amal Hamsan	Lejen	Cetakan Pertama: April 2016	Digunakan oleh golongan remaja/ golongan tertentu sahaja. Kesat/ Kasar Lucah
4.	Hauri	Asmar Shah	FIXI	Cetakan Pertama: Ogos 2018	Digunakan oleh golongan remaja/ golongan tertentu sahaja. Singkatan bahasa Inggeris Kesat/ Kasar Lucah
5.	Lendu	Blue	FIXI	Cetakan Pertama: Januari 2017. Cetakan Kedua: Mac 2017. Cetakan Ketiga: Julai 2017. Cetakan Keempat: Oktober 2017.	Digunakan oleh golongan remaja/ golongan tertentu sahaja. Kesat/ Kasar Lucah

\*Definisi Bahasa Slanga dipetik daripada Allan dan Burridge (2006).



Seperti yang dinyatakan di dalam instrumen kajian, sebanyak lima (5) orang informan telah ditemu bual.

Berikut adalah jadual maklumat setiap informan.

**Jadual 2. Maklumat Informan yang terlibat dalam kajian ini**

<b>Informan</b>	<b>Nama</b>	<b>Butiran</b>
1	Nur Shakila Binti Hussain	Pelajar Universiti Teknologi MARA, dan pembaca novel indie.
2	Mohamad Afiq Syazwan Bin Azman	Pelajar Universiti Teknologi MARA, dan pembaca novel indie.
3	Nur Amra Aqilah Binti Zamanudin	Pelajar Universiti Teknologi MARA, dan pembaca novel indie.
4	Nur Syuhaidah Binti Ayob	Pelajar Universiti Teknologi MARA, dan pembaca novel indie.
5	Nur Syazana Binti Abdullah	Pelajar Universiti Teknologi MARA, dan pembaca novel indie.

Proses pengumpulan data untuk kajian ini boleh dilihat menerusi Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah:

**Rajah 1. Proses pengumpulan data untuk Objektif 1****Rajah 2. Proses pengumpulan data untuk Objektif 2**

#### 4.0 HASIL KAJIAN

Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan lima buah novel keluaran FIXI dan Lejen Press untuk menganalisis penggunaan Bahasa Slanga yang digunakan dalam menghasilkan novel indie. Novel-novel yang digunakan untuk dianalisis ialah novel bertajuk *Feminis*, *One Two Jaga*, *Walang*, *Hauri*, dan juga *Lendu*. Kajian ini telah membuktikan bahawa novel-novel *indie* ini sememangnya ada menggunakan Bahasa Slanga sebagaimana yang telah penulis masukkan ke dalam jadual di bawah.

Jadual 3: Bahasa Slanga dalam *Feminis, One Two Jaga, Walang, Hauri, dan Lendu*.

BIL.	TAJUK NOVEL	PENULIS	PENERBIT	TAHUN	KATEGORI BAHASA SLANGA	BAHASA SLANGA DI DALAM NOVEL
1.	Feminis	Taufik Morhaiji	FIXI	Cetakan Pertama: Ogos 2018	Digunakan oleh golongan remaja/ golongan tertentu sahaja.	Je (m.s 14), baby (m.s 17), takde (m.s 21), pompuan (m.s 22), korang (m.s 25), blah (m.s 25), awek cun (m.s 25), fulamak bro (m.s 27), cam (m.s 29), ejaskan (m.s 29), kitorang (m.s 30), sape (m.s 31), lempang kang (m.s 41), carik (m.s 43), pulak (m.s 44), kemaruk (m.s 48), yo bro (m.s 63), bie (m.s 63), apahal wei (m.s 68), takpe (74), chill lah baby (m.s 81), diorang (m.s 81), barai (m.s 84), waklu (m.s 85), ko (m.s 85), hempuk je (m.s 86), lunyai (m.s 86), gi (m.s 89), apahal (m.s 97), weh (m.s 101), kerek (m.s 102), giler (m.s 107), babe (m.s 125), bukak (m.s 131), sebijik (m.s 132), angau (m.s 153), carik (m.s 180), kanto (m.s 188), dol (m.s 197), mau, bodoh (m.s 250), jengkel (m.s 285)
					Singkatan bahasa Inggeris	Dunno (m.s 154)
					Kesat/ Kasar	Maki (m.s 25), betina (m.s 30), celaka (m.s 31), bangsat (m.s 31), hey setan (m.s 41), mamat sial (m.s 86), shit (m.s 87), babi-babi tu (m.s 87), setan tua (m.s 132), betini ni (m.s 135), anak betina (m.s 168), dasar (m.s 213), jantan (m.s 213).
					Lucah	Banyak air bai (m.s 27), nak jual batang pergi carik bohsia la (m.s 30), beromen (m.s 84), sundal (m.s 270).
2.	One Two Jaga	Sahidzan Salleh	Fixi	Cetakan Pertama: Julai 2018	Digunakan oleh golongan remaja/ golongan tertentu sahaja.	Kasi tau (m.s 17), cucuh (m.s 18), je (m.s 19), ejas (m.s 19), lu (m.s 25), gua (m.s 25), bro (m.s 30), diorang (m.s 30), korang, takpe (m.s 43), lekas (m.s 45), blah (m.s 59), mende (m.s 61), makwe

						(m.s 63), kecap aja (m.s 84), apasal (m.s 90), kat (m.s 101), blah (m.s 101), takde (m.s 105), nerd (m.s 120), diorang (m.s 130), pau (m.s 136), kaki pow (m.s 222), cekau (m.s 242).
					Kesat/ Kasar	Dasar setan (m.s 21), jantan, gila babi (m.s 49), woi babi (m.s 79), anak haram (m.s 79), kau anjing (m.s 79), bodoh punya lori (m.s 85), macam iblis (m.s 85), mampus (m.s 99), sial (m.s 136), budak bodoh dua ekor tu (m.s 150), anjing sial (m.s 153), celaka (m.s 222), bahalol (m.s 246), babi sial (m.s 249), keparat (m.s 251), shit (m.s 275).
					Lucah	Fuck (m.s 33), pukimak (m.s 248).
3.	Walang	Amal Hamsan	Lejen Press	Cetakan Pertama: April 2016	Digunakan oleh golongan remaja/ golongan tertentu sahaja.	Pakwe (m.s 12), kantoi (m.s 18), lantaklah (m.s 19), makwe (m.s 21), babe (m.s 29), kitorang (m.s 45), dorang (m.s 92), kepala hotak kau (m.s 96), dok (m.s 100), bro (m.s 100), sembang kancang (m.s 129), je (m.s 146), skill mengorat (m.s 185), dorang tu lesbian (m.s 188), couple (m.s 209), tak kasi (m.s 219), suit gila (m.s 235), tak cam (m.s 264).
					Kesat/ Kasar	Sial (m.s 18), celaka (m.s 19),babi (m.s 20), setan (m.s 22), bodoh (m.s 30), jantan (m.s 52), anak haram (m.s 53), dasar perempuan murah(m.s 53), jahanam (m.s 53), setan (m.s 53), dasar anak sial (m.s 55), pergi mampus (m.s 185), shit (m.s 192), maki (m.s 192), mulut macam sial (m.s 197), sial la woi (m.s 214), babi lah (m.s 214), gila babi (m.s 208).
					Lucah	nak hisap kote jantan (m.s 49), menyundal dengan jantan (m.s 52), fuck (m.s 97).




4.	Hauri	Asmar Shah	FIXI	Cetakan Pertama: Ogos 2018	Digunakan oleh golongan remaja/ golongan tertentu sahaja.	Je (m.s 7), kitorang (m.s 17), kepala hotak (m.s 17), tak ngam pulak (m.s 36), wei (m.s 41), takde (m.s 46), kang (m.s 48), couple (m.s 48), woi kechap (m.s 49), tak reti (m.s 49), baby (m.s 59), korang (m.s 63), takpe (m.s 73), kemon sayang (m.s 84), kechap je (m.s 99), apasal (m.s 139), bermulut lancang (m.s 159), sentap (m.s 159), bangkit (m.s 167), nak blah (m.s 180), bro (m.s 186), bantai (m.s 197), langsai (m.s 203).
					Singkatan bahasa Inggeris	Omaigod (m.s 51), kompem (m.s 223)
					Kesat/ Kasar	Shit (m.s 19), bodoh (m.s 22), sial (m.s 31), perempuan celaka (m.s 57), bangang (m.s 59), macam setan (m.s 59), diorang bodoh (m.s 67), takkan mampus (m.s 85), giler ke (m.s 106), jahanam (m.s 122), bangsat doh (m.s 135), babi (m.s 186), perempuan bangsat (m.s 189), gila dasar bongok (m.s 194), bengong (m.s 195).
					Lucah	Menyundal (m.s 37)
5.	Lendu	Blue	Fixi	Cetakan Pertama: Januari 2017. Cetakan Kedua: Mac 2017. Cetakan Ketiga: Julai 2017. Cetakan Keempat: Oktober 2017.	Digunakan oleh golongan remaja/ golongan tertentu sahaja.	Je (m.s 17), weh (m.s 22), blah (m.s 22), selambe (m.s 36), tu (m.s 54), woi (m.s 54), tengok (m.s 56), babe (m.s 65), campak (m.s 73), bangkit (m.s 74), kitorang (m.s 77), kuat siot (m.s 95), korang (m.s 111), weh (m.s 130), kepala jimbis opah dia (m.s 135).
					Kesat/ Kasar	Gelak syaitan (m.s 10), sial (m.s 55), bangang (m.s 90),

					shit (m.s 90), melalak macam sial (m.s 134), perangai buat taik (m.s 134), macam celaka (m.s 135), tunggu lah bodoh (m.s 167).
--	--	--	--	--	--

Di sini jelas menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Slanga di dalam novel *indie ini* banyak digunakan. Pada pandangan penulis, penggunaan Bahasa Slanga yang digunakan oleh remaja atau kelompok tertentu sahaja itu tidak menjadi sebarang masalah sekiranya pembaca novel indie ini pandai membezakan penggunaan gaya bahasa yang baik atau tidak baik digunakan dalam percakapan harian. Hal ini kerana tidak semestinya semua pembaca bercakap dengan menggunakan bahasa baku dalam realiti. Namun, penggunaan Bahasa Slanga yang berunsurkan kesat, kasar dan lucah itu yang membimbangkan penulis. Ini melibatkan etika dan akhlak atau nilai-nilai keagamaan.

#### 4.1 PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP PENGGUNAAN BAHASA SLANGA

Daripada lima informan yang dipilih, mereka ada menyatakan penerimaan mereka terhadap penggunaan Bahasa Slanga dalam novel *indie* di Malaysia. Informan yang dipilih daripada pelajar UiTM, Puncak Perdana. Dapatan kajian mendapati informan-informan memberikan pandangan mereka daripada sudut positif dan ada juga daripada sudut negatif.



Rajah 3. Penerimaan masyarakat terhadap Bahasa Slanga

Berdasarkan rajah 3 di atas, hasil daripada temu bual bersama informan, kajian ini dapat menyimpulkan bahawa penerimaan masyarakat terhadap fenomena penggunaan Bahasa Slanga dalam novel indie ini adalah berbelah-bahagi antara positif dan negatif. Penerimaan daripada sudut positif ini dapat dilihat setelah beberapa informan menyatakan bahawa penggunaan Bahasa Slanga ini membuatkan pembaca berasa dekat dengan jiwa pembaca.

Hal ini kerana pembaca akan mudah faham dan berasa senang dengan gaya bahasa yang digunakan oleh penulis novel yang sememangnya santai. Bukan itu sahaja, pembaca juga akan cepat faham dengan jalan cerita yang cuba disampaikan itu malah pembaca dapat menambah pengetahuan tentang penggunaan

bahasa-bahasa yang digunakan dalam penulisan sekaligus dapat mempelajari pelbagai bahasa seperti dialek-dialek yang ada di Malaysia.

Seterusnya, perkara yang penting adalah fenomena penggunaan Bahasa Slanga dalam novel indie ini mampu menarik minat golongan muda khususnya remaja untuk membaca. Golongan muda seperti mereka ini lebih suka dan tertarik dengan cara penulisan santai dan bebas kerana kena dengan jiwa mereka. Perkara ini dapat meningkatkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Di samping itu, fenomena ini juga tidak dinafikan jika ada yang berkata penggunaan Bahasa Slanga dalam novel indie ini memberi kesan negatif. Hal ini kerana terdapat beberapa informan yang menyatakan bahawa bahasa yang digunakan ini tidak berlapik dan lebih *direct*. Penggunaan bahasa yang kasar juga boleh mendatangkan kesan yang kurang baik kepada pembaca yang membaca terutamanya jika pembaca itu daripada golongan remaja.

Penulis berpendapat, penulis novel indie ini perlu lebih matang dalam menggunakan bahasa dalam menghasikan karya mereka kerana penggunaan Bahasa Slanga yang berunsurkan kata-kata yang kasar, lucu dan kesat ini mampu mengotorkan pemikiran pembaca.

Fenomena ini juga dikatakan boleh mencemar bahasa Melayu baku kerana gaya bahasa atau tatabahasa yang digunakan oleh penulis novel indie ini ada yang tidak mengikut dan menggunakan bahasa Melayu yang betul. Sekiranya perkara sebegini tidak dititikberatkan, sudah pasti berlaku masalah pencemaran bahasa.

Secara tuntasnya, rajah 3 di atas telah menyimpulkan pandangan dan penerimaan masyarakat khususnya remaja terhadap penggunaan Bahasa Slanga dalam novel indie di Malaysia. Walaupun ada kesan negatif, sebagai masyarakat yang bijak juga perlu melihat sesuatu perkara itu dari sudut positif juga.

## 5.0 KESIMPULAN

Bahasa Slanga ini adalah bahasa yang digunakan sama ada secara lisan mahupun penulisan. Penulisan-penulisan yang digunakan dalam sesebuah buku terutama dalam bacaan ringan seperti komik mahupun novel telah terpengaruh dengan Bahasa Slanga. Penggunaan Bahasa Slanga dalam penulisan sesebuah buku atau karya dan diterbitkan boleh menjejaskan kedaulatan bahasa.

Kesan penggunaan bahasa yang serba mudah dan meluas ini banyak istilah baru yang muncul bagi memudah ekspresi. Istilah-istilah yang digunakan di dalam novel *indie* pada peringkat awal digunakan hanya untuk memeriahkan suasana sahaja namun demikian lama kelamaan istilah ini menjadi budaya dalam percakapan. Hal ini menyebabkan generasi-generasi muda yang akan datang akan terpengaruh dengan budaya bahasa slang yang digunakan pada masa kini.

Sekiranya kita menerima kebiasaan penggunaan Bahasa Slanga bagi penggunaan di alam realiti maka akan lenyap bahasa Melayu yang gramatis dan murni. Penggunaan Bahasa Slanga yang berleluasa pada masa kini akan menyebabkan bahasa Melayu yang asal akan terhakis sedikit demi sedikit. Hal ini juga akan menyebabkan bahasa asal sesuatu bahasa juga akan hilang serinya.

Walau bagaimanapun, penggunaan Bahasa Slanga di dalam novel ini tidak menjejaskan bahasa Melayu baku sekiranya para pembaca tahu dan pandai membezakan perkataan atau bahasa yang bagaimana sesuai untuk mereka guna. Hasil daripada temubual yang dibuat, informan memberi pandangan mereka terhadap

penggunaan Bahasa Slanga dalam novel *indie* di Malaysia. Di sini dapat kita lihat bahawa penggunaan bahasa Slanga dalam penulisan ini juga ada mendatangkan kesan yang positif terutamanya dalam usaha meningkatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat khususnya golongan remaja.

## RUJUKAN

- Aisamuddin Asri. (2016). Karya indie bukan main-main. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/karya-indie-bukan-main-main>.
- Allan, K., & Burrige, K. (2006). *Forbidden Words: Taboo and the Censoring of Language*. New York: Cambridge University Press.
- Amal Hamsan. (2016). *Walang*. Subang Jaya, Selangor: Lejen Press.
- Anang Santoso. (2008). Jejak halliday dalam linguistik kritis dan analisis wacana kritis. *Bahasa dan Seni*, 36(1), 15-27. Dipetik daripada <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2009/10/Jejak-Halliday-dalam-Linguistik-Kritis-dan-Analisis>.
- Andries Teeuw. (1995). *Sastera dan ilmu sastera: Pengantar teori sastera*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmar Shah. (2018). *Hauri*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
- Awang Sariyan. (2006). *Warna dan suasana: Perancangan bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Ibrahim. (2004). *Bahasa dan tantangan intelektuallisme*. Petaling Jaya, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre.
- Azman Hussin. (2016). Karya indie umpama grafiti. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/karya-indie-umpama-grafiti-1.205295>.
- Blue. (2017). *Lendu*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
- Boh Boon Koh. (1989). *Perspektif-perspektif dalam pengajaran bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bung Karno. (2010). Media informasi perpustakaan Bung Karno. *Buletin Perpustakaan Bung Karno*, 1(2), 5-7. Dipetik daripada <https://books.google.com.my/books?id=Esg8DwAAQBAJ>.
- Creswell, J. (2012). *Education research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*, (4th ed). University of Nebraska, United Kingdom: Pearson.
- Dimensi corak pemikiran massa: Kebangkitan, ledakan karya indie. (2016). *Dimensi News*. Dipetik daripada <http://dimensinews.com.my/2016/06/13/kebangkitan-ledakan-karya-indie/>.

- Hanim Salwah. (2016). Karya indie dan industri penerbitan buku Malaysia. *Bernama*. Dipetik daripada <http://yourth.bernama.com/v2/news.php?id=1253819>.
- Harishon Radzi & Tengku Fariqul Haq. (2016). Slanga sebagai wahana komunikasi dalam kalangan remaja di Bengkalis. *Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia*, 20(1), 33-41. Dipetik daripada [jurnal.plm.org.my/wp-content/uploads/2017/10/4.-Slanga-sebagai-Wahana-Komunikasi-dalam-Kalangan-Remaja-di-Bengkalis.pdf](http://jurnal.plm.org.my/wp-content/uploads/2017/10/4.-Slanga-sebagai-Wahana-Komunikasi-dalam-Kalangan-Remaja-di-Bengkalis.pdf).
- Kamarudin Haji Husin. (1996). *Laras bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan* (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah. (18 Januari 2016). Karya indie abai nilai bahasa. *Online Berita Harian*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/node/115468>.
- Muhammad Daud. (2014). Bahasa slanga dan remaja. *Sinar Online*. Dipetik daripada <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/muhammad-daud/bahasa-slanga-dan-remaja-1.315632>.
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnim. (2015). *Laporan awal: Sorotan fenomena buku indie di Malaysia*. Dipetik daripada <http://www.jais.gov.my/sites/default/.../Fenomena%20Buku%20Indie.pdf>.
- Nasir Jani. (2014). Auteur theory dari gelombang baharu. *Sinar Harian*. Dipetik daripada <http://www.sinarharian.com.my/.../auteur-theory-dari-gelombang-baharu->.
- Nor Hasimah Ismail & Melor Fauzita Md Yusoff. (2016). Karya indie: Revolusi penulis generasi baru. *Jurnal Pendidikan*, 1(16), 565-567. Dipetik daripada [https://www.researchgate.net/publication/317081000\\_Karya\\_Indie\\_Revolusi\\_Penulis\\_Generasi\\_Baru](https://www.researchgate.net/publication/317081000_Karya_Indie_Revolusi_Penulis_Generasi_Baru).
- Ooi Kok Hin. (8 Mei 2015). *Pendapat: Penerbit buku "indie" banyak membuka peluang kepada penulis baru*. Dipetik daripada <http://www.kualalumpurpost.net/penerbit-buku-indie-banyak-membuka-peluang-kepada-penulis-baru-ooi-kok-hin/>.
- Othman Puteh. (1998). *Tanggapan terhadap kesusasteraan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlee Wahab. (2017). Karya indie: Mencari antara permata dan kaca. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/karya-indie-mencari-antara-permata-dan-kaca-1.489310>.
- Sahidzan Salleh. (2018). *One Two Jaga*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
- Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussain. (2004). *Teori-teori komunikasi*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Taufik Morhaiji. (2018). Novel *Feminis*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
- Yusof Ismail. (1968). *Kesusasteraan moden dalam esei dan kritik*. Singapura: Pustaka Nasional Singapura.
- Yusof Ismail. (2008). *Kesusasteraan Melayu lama dan baru*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Zainul Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu mengarang bahasa Melayu* (Edisi ejaan rumi). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.